

Negara, PH masih perlukan Anwar

KOTA BHARU: Wanita Pakatan Harapan (PH) Kelantan menganggap kepimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim masih diperlukan selaku Pengerusi PH dan Perdana Menteri dalam konteks kepimpinan negara.

Ketuanya, Dr. Hafidzah Mustakim berkata, sungguhpun Anwar kini menghampiri penggal akhir sebagai Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), namun masih banyak cara untuk daya kepimpinan Anwar mewarnai landskap politik dan kepimpinan negara.

“Mengetuai sesuatu parti politik adalah kelebihan bagi seseorang pemimpin tetapi masih banyak cara untuk beliau terlibat dalam aktiviti masyarakat terutama dengan kedudukannya sebagai Perdana Menteri.

“Tidak perlu terhad kepada presiden parti politik kerana beliau mempunyai banyak cara atau platform untuk menyumbang bakti, khususnya dalam politik,” katanya kepada pemberita ketika ditemui selepas Majlis Perasmian Karnival Kesihatan dan Eksplorasi Remaja Gemilang di Sekolah Kebangsaan (SK) Sri Chempaka di Tanjong Mas, di sini semalam.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kota Lama itu memberitahu, Anwar juga mempunyai peranan sangat besar



DR. Hafidzah Mustakim berucap pada Majlis Perasmian Karnival Kesihatan dan Eksplorasi Remaja Gemilang di SK Sri Chempaka, Tanjong Mas, Kota Bharu, Kelantan semalam. - UTUSAN/MUSTAQIM MOHAMED

dalam membentuk kekuatan parti-parti yang membentuk Kerajaan Perpaduan.

Katanya, dalam konteks Kelantan yang mana komponen terbesar Kerajaan Perpaduan adalah PH dan Barisan Nasional (BN), Anwar masih mempunyai peranan sangat besar kerana rakyat mahu melihat PH menjadi gabungan politik yang kuat di negeri ini.

“Dengan pemilihan pucuk pimpinan baharu, kita harap dan yakin PH boleh menawarkan satu kepimpinan baharu yang boleh membawa perubahan sebenar kepada Malaysia

termasuk Kelantan,” ujarnya.

Mengulas lanjut, Hafidzah yang juga Ketua Angkatan Wanita Parti Amanah Negara (AWAN) Kelantan berkata, Anwar juga telah menunjukkan prestasi membanggakan selaku pemimpin negara apabila berjaya membawa suara Malaysia ke mata dunia.

“Beliau merupakan seorang tokoh pemimpin yang betul-betul melaksanakan apa yang dikata. Bagi saya untuk penggal ini beliau dan Kerajaan Perpaduan berjaya membawa suara kita ke peringkat antarabangsa,” ujarnya.